



## **PERTANDINGAN VIDEO KREATIF u-PUSTAKA**

Apa itu u-Pustaka?

Perkhidmatan u-Pustaka merupakan *touch-point* kepada rakyat untuk mendapatkan pelbagai perkhidmatan tanpa perlu ke perpustakaan. Perkhidmatan ini boleh dilayari melalui portal [www.u-pustaka.gov.my](http://www.u-pustaka.gov.my). Keahlian u-Pustaka adalah percuma sepanjang hayat, menyediakan kemudahan pinjaman buku dalam talian, tempahan dan pembaharuan buku dalam talian, pemulangan buku melalui gelongsor buku serta akses kepada sumber dalam talian.

Pertandingan video kreatif u-Pustaka salah satu dari program mempromosi perkhidmatan u-Pustaka yang berbentuk pertandingan menghasilkan kapsul, sketsa pendek atau mesej khidmat awam (PSA).

Pertandingan ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia. Jangka masa (durasi) bagi setiap penyertaan adalah di antara 1 minit hingga 3 minit. Slogan pertandingan ini ialah **“Utamakan Pengetahuan, Ingatlah u-Pustaka”** yang membawa mesej perkongsian pengalaman yang terindah dan terbaik perkhidmatan u-Pustaka atau berkongsi pengalaman semasa menggunakan perkhidmatan u-Pustaka.

### **Objektif pertandingan:**

1. Memupuk minat dan kreativiti dalam kalangan warganegara Malaysia bagi membantu mempromosi perkhidmatan u-Pustaka.
2. Mencetus keterujaan dalam kalangan warganegara Malaysia terhadap penggunaan u-Pustaka.

3. Menyalurkan maklumat kepada orang awam tentang perkhidmatan u-Pustaka dan kemudahan serta kebaikan yang bakal diperolehi daripada perkhidmatan tersebut.
4. Menyampaikan mesej kebaikan perkhidmatan u-Pustaka kepada orang awam melalui orang awam sendiri (*from the people to the people*).
5. Melihat perspektif orang awam tentang perkhidmatan yang diberikan.

## **SYARAT PENYERTAAN**

### **A. Maklumat Pertandingan**

1. Tempoh pertandingan ini adalah selama satu (1) bulan iaitu bermula dari **1 Januari 2019 (Selasa)** dan tarikh tutup penyertaan pada **31 Januari 2019 (Khamis)**.
2. Video akan diadili oleh panel penilai/ juri profesional yang dilantik dari agensi awam dan swasta.
3. Setiap karya akan dinilai berdasarkan keaslian, isi kandungan, konsep dan kreativiti oleh panel penilai/ juri profesional yang dilantik oleh pihak pengajur.

### **B. Kelayakan Pertandingan**

1. Terbuka kepada semua warga negara Malaysia yang berdaftar sebagai ahli u-Pustaka.
2. Mempunyai akaun emel yang sah.
3. Urus setia, kakitangan dan ahli keluarga terdekat pihak pengajur tidak layak menyertai pertandingan ini.

### **C. Terma Pertandingan**

1. Peserta perlu menghantar *softcopy* video atau secara pautan yang boleh dimuat turun dari *cloud storage* (*Google Drive*) berserta sinopsis (tidak melebihi 100 patah perkataan) kepada urusetia bersama borang penyertaan yang boleh didapati secara *online*.

2. Peserta yang berjaya pada peringkat saringan akan dimaklumkan melalui emel atau telefon.
3. Durasi video hendaklah tidak kurang dari 1 minit dan tidak melebihi 3 minit.
4. Menggunakan sama ada Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris dan jika menggunakan Bahasa Inggeris perlu menyediakan sarikata (*subtitle*).
5. Format karya hendaklah sesuai untuk diterbitkan dan dipaparkan dalam segala bentuk media. Format yang dibenarkan adalah AVI, WMV, MOV, MPG dan MP4 sahaja.
6. Audio yang ditetapkan ialah *Standard Dolby* (video).
7. Penyertaan boleh dihantar sama ada dalam bentuk kapsul pendek, sketsa pendek atau mesej khidmat awam (PSA).
8. Penyertaan hendaklah memaparkan maklumat tepat berhubung perkhidmatan u-Pustaka.
9. Penerbitan berunsurkan seks, jenayah, memfitnah, menghina institusi Perlembagaan Negara akan ditolak penyertaannya.
10. Setiap hasil karya mestilah tidak pernah menyertai di mana-mana festival filem/ video peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
11. Peserta hendaklah memastikan keaslian karya adalah terpelihara. Pihak pengajur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga ke atas hak cipta karya tersebut.
12. Setiap peserta boleh menghantar lebih dari satu penyertaan. Namun hanya satu penyertaan sahaja yang layak untuk dipertandingkan.
13. Kos penyertaan dan penyediaan video adalah ditanggung sepenuhnya oleh peserta.
14. Penyertaan adalah **percuma** (peserta wajib berdaftar sebagai ahli u-Pustaka).
15. Urusetia berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup pertandingan.

16. Salinan *softcopy treatment* dan sinopsis video kreatif yang dihantar tidak akan dikembalikan dan urusetia berhak untuk tidak memilih mana-mana penyertaan yang tidak mematuhi syarat pertandingan.
17. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya didapati hasil karya yang dipertandingkan tidak asli atau diciplak.
18. Hadiah-hadiah yang dimenangi akan ditarik balik sekiranya didapati hasil karya yang dipertandingkan tidak asli atau diciplak.
19. Keputusan panel penilai/ juri profesional adalah muktamad. Sebarang bantahan atau rayuan tidak akan dipertimbangkan.
20. Hakcipta video adalah hak milik Perpustakaan Negara Malaysia/ u-Pustaka. Pihak u-Pustaka berhak menggunakan video tersebut bagi tujuan promosi dan siaran sebelum, semasa dan selepas pertandingan.
21. Peserta perlu menandatangani borang khas mengenai persetujuan penyerahan hak cipta kepada pengajur.
22. Peserta juga mestilah membenarkan suntingan dibuat terhadap video penyertaan bagi tujuan penyiaran.
23. Pengajur tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa jua bentuk tuntutan berkaitan dengan produksi terhadap peserta oleh mana-mana pihak yang berkenaan.
24. Pemenang akan dihubungi melalui telefon atau emel. Walau bagaimanapun pihak pengajur mempunyai hak untuk tidak memilih pemenang dalam kalangan peserta yang bertanding sekiranya panel penilai/ juri profesional memutuskan bahawa tiada peserta yang layak dianugerahkan sebagai pemenang.

#### D. Bentuk Penyertaan

Penyertaan adalah secara;

1. Individu; atau
2. Berkumpulan (tiada had jumlah anggota tetapi setiap anggota perlu menjadi ahli u-Pustaka dan perlu ada seorang ketua yang telah dilantik).

## **E. Hadiah**

- **Tempat Pertama:** Wang tunai RM5,000.00 beserta sijil
- **Tempat Kedua :** Wang tunai RM3,000.00 beserta sijil
- **Tempat Ketiga :** Wang tunai RM2,000.00 beserta sijil

\* Sijil penghargaan akan diberikan kepada setiap penyertaan

## **F. Pengesahan Penyertaan**

Untuk pengesahan penyertaan peserta **PERLU**:

1. Mendaftar di portal u-Pustaka ([www.u-pustaka.gov.my](http://www.u-pustaka.gov.my))
2. Lengkapkan borang penyertaan **Lampiran A** atau **Lampiran B**
3. Lengkap borang **Lampiran C**
4. Menyediakan Sinopsis **Lampiran D**

Maklumat lengkap perlu dijemelkan ke:

**[videokreatifupustaka@gmail.com](mailto:videokreatifupustaka@gmail.com)**

**Nota: Hanya penyertaan yang telah melengkapkan empat (4) perkara di atas akan disahkan penyertaan.**

## **G. Pertanyaan/ Maklumat Lanjut**

Untuk pertanyaan/keterangan lanjut, sila hubungi:

**Urusetia Pertandingan Video Kreatif u-Pustaka  
Pusat Sumber**

**Institut Tadbiran Awam Negara**

**Kampus Utama Bukit Kiara**

**Kuala Lumpur**

**Tel: 03-20847263/7265 atau 03-26871727**

**HP: 016-9771062 atau 019-6974259**

**Faks : 03-20847491**

**Emel : [videokreatifupustaka@gmail.com](mailto:videokreatifupustaka@gmail.com)**

**LAMPIRAN A**



**BORANG PENYERTAAN  
PERTANDINGAN VIDEO KREATIF u-PUSTAKA  
(INDIVIDU)**

Nama Penuh : \_\_\_\_\_  
(mengikut Kad Pengenalan)

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_ Umur : \_\_\_\_\_  
**ID Pengguna u-Pustaka** : \_\_\_\_\_

Jantina :  L  P (Tanda /)

Alamat : \_\_\_\_\_  
Surat-menyurat  
\_\_\_\_\_

Nombor HP : \_\_\_\_\_

Alamat emel : \_\_\_\_\_

**Perakuan,**

Dengan ini, saya mengesahkan bahawa penyertaan yang disertakan ini adalah hasil karya asal saya. Saya bersetuju dengan semua syarat-syarat pertandingan ini.

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Untuk Kegunaan Pejabat

Dokumen penyertaan :  Lengkap  Tidak Lengkap (Tanda /)

Penerimaan : Tarikh \_\_\_\_\_ Masa \_\_\_\_\_

Nama Penerima : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_

\*\*Nota: Borang yang TIDAK LENGKAP dan TIDAK DITANDATANGAN oleh peserta dikira TIDAK LAYAK menyertai pertandingan ini.

**LAMPIRAN B**



**BORANG PENYERTAAN  
PERTANDINGAN VIDEO KREATIF u-PUSTAKA  
(KUMPULAN)**

Nama Penuh : \_\_\_\_\_  
(Nama Ketua – bagi  
Penyertaan berkumpulan) (mengikut Kad Pengenalan)  
(Bagi penyertaan berkumpulan, sila isikan butiran ahli-ahli)

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_ Umur : \_\_\_\_\_

**ID Pengguna u-Pustaka** : \_\_\_\_\_

Jantina :  L  P (Tanda /)

Alamat : \_\_\_\_\_  
Surat-menjurat \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Nombor HP : \_\_\_\_\_

Alamat emel : \_\_\_\_\_

**Perakuan,**

Dengan ini, kami mengesahkan bahawa penyertaan yang disertakan ini adalah hasil karya asal kami. Kami bersetuju dengan semua syarat-syarat pertandingan ini.

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Untuk Kegunaan Pejabat

Dokumen penyertaan :  Lengkap  Tidak Lengkap (Tanda /)

Penerimaan : Tarikh \_\_\_\_\_ Masa \_\_\_\_\_

Nama Penerima : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_

\*\*Nota: Borang yang TIDAK LENGKAP dan TIDAK DITANDATANGAN oleh perserta dikira TIDAK LAYAK menyertai pertandingan ini.

**BORANG PENYERTAAN BERKUMPULAN  
PERTANDINGAN VIDEO KREATIF u-PUSTAKA**

BIL.	NAMA	NO.KP

*\*\*Sila guna lampiran tambahan jika perlu.*

**LAMPIRAN C**



**BORANG PERSETUJUAN MENGGUNAKAN GAMBAR / IMEJ INDIVIDU  
PERTANDINGAN VIDEO KREATIF u-PUSTAKA**

Saya/ Kami \_\_\_\_\_ No. Kad Pengenalan \_\_\_\_\_

Bersetuju bahawa gambar / imej saya/ kami digunakan untuk penerbitan klip video bagi Pertandingan Video Kreatif u-Pustaka 2019 anjuran Perpustakaan Konsortium u-Pustaka.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

**LAMPIRAN D**



**PERTANDINGAN VIDEO KREATIF u-PUSTAKA**

Sinopsis Video (tidak melebihi 100 patah perkataan)

Tajuk Video : \_\_\_\_\_

Nama Peserta /  
kumpulan : \_\_\_\_\_